

18 JUN 1997

Dialog

PENGALAMAN PERKONGSIAN BESTARI DALAM DIALOG LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Pengalaman daripada "Perkongsian Bestari" yang berjaya dalam amalan-amalan kecil hinggalah ke peringkat antarabangsa akan dibincangkan dalam Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 1997 yang akan berlangsung dari 28 hingga 30 Julai depan.

Setiausaha bersama LID '97, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman berkata, sekurang-kurangnya 25 pengalaman daripada perkongsian bestari akan dikongsi semasa persidangan peringkat tinggi itu dengan tema "Perkongsian Bestari Dalam Tindakan".

"Di sesi akhir tahun lepas, para peserta menyatakan mereka mahu mendengar lebih banyak pengalaman..." kata beliau dalam persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri.

Konsep Perkongsian Bestari bermaksud mencari rakan-rakan kongsi yang sesuai antara kerajaan, syarikat-syarikat dan pekerja untuk menjalankan perniagaan dalam konteks antarabangsa dan ia mula-mula diperkenalkan pada LID pertama pada 1995.

Konsep itu menyediakan asas bagi era perniagaan baru dan amalan pengurusan inovatif bagi masa depan yang berdasarkan kepada falsafah yang menguntungkan semua pihak.

Di samping peringkat antara syarikat, penggunaan konsep Perkongsian Bestari di luar batas sempadan seperti dalam Asean, Apec dan pertubuhan-pertubuhan seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) akan diutarakan.

Dialog itu akan membawa bersama 250 pemimpin kerajaan termasuk 16 ketua kerajaan, Menteri-menteri dari seluruh Komanwel, ahli-ahli korporat terkemuka dari seluruh dunia dan juga pemimpin-pemimpin kerajaan tempatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasar semasa perasmian LID 97. Dr Mahathir merupakan penaung dan penasihat LID, yang dianjurkan bersama oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Dr Omar, yang juga merupakan penasihat Sains kepada Perdana Menteri dan pengerusi bersama MIGHT berkata, Koridor Raya Multimedia (MSC) juga akan utarakan sebagai inisiatif untuk menggalakkan "perkongsian bestari".

Menurut senarai awal, kedua-dua Perdana Menteri Kemboja iaitu Putera Norodom Ranariddh, yang menghadiri dialog tahun lepas, dan Hun Sen merupakan antara ketua-ketua kerajaan yang dijemput. Pemimpin-pemimpin Botswana, Malawi, Namibia dan Zimbabwe juga berada dalam senarai. --

BERNAMA

AZZ PR